



SOROTAN MENARIK

- ◆ Perancangan Strategik PSPM KPPIM UiTMCJ 2024-2025
- ◆ Outbound PSPMCJ di Universiti Briwijaya
- ◆ Global Learning & Jalinan Industri melalui CGCT

KPPIM2024

Memperkasakan bakat, memupuk tadbir urus baik, dan meningkatkan penjenamaan fakulti untuk impak global

Era kepintaran buatan (AI) di dalam pengajaran dan pembelajaran (PnP)



e-CoMath
Buletin Edisi Pertama 2024

**Pengajian Sains Pengkomputeran dan Matematik ,
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik
(PSPM, KPPIMCJ)**

**Kampus Segamat dan Pasir Gudang
UiTM Cawangan Johor**

Terbitan Edisi 2024
©Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
Hakcipta Terpelihara

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam bentuk apa sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas kepada Pengajian Sains Pengkomputeran dan Matematik, Kolej Pengajian Pengkomputeran Matematik, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Majalah e-CoMath
e-ISSN: 3030-6310

Diterbitkan oleh:
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
Jalan Universiti Off KM 12 Jalan Muar,
85000 Segamat,
Johor.
Tel: 07-9352000
Fax: 07-9352716

<https://johor.uitm.edu.my>

Majalah ini diterbitkan secara tahunan.
Dicetak di Malaysia



PENAUNG

Prof. Madya Dr. Saunah Zainon



Penasihat 1

Dr. Akmal Aini Othman



Penasihat 2

En. Mohd Lezam Lehat



KETUA EDITOR

Nafisah Amin



EDITOR UTAMA

Haslenda Yusop

PARA EDITOR



Mazlyda Abd
Rahman



Zuriati Ismail



Nur Syahidah
Nordin



Dr Nuridayu Alimon



Dr Wan Munirah
Wan Mohamad



Nur Intan Syafinaz
Ahmad



Wan Nor Hafidzah
Wan Mohd.



Syaidatus Syahira
Ahmad Tarmizi



Nurulzulaiha
Suhadak



Nafisah Amin



Haslenda Yusop



Rusnani Mohamad
Khalid

GRAFIK EDITOR



Ts. Dr. Rashidah Mokhtar



Azrina Suhaimi

ISI KANDUNGAN

Sidang Redaksi	III
Kata Aluan	
Rektor	V
Timbalan Rektor Akademik	VI
Ketua Pusat Pengajian	VII
Tinta Ketua Editor	VIII
Unit Sokongan Pelajar dan Alumni (SASU)	1-9
<i>Student and Alumni Support Unit</i>	
Unit Jaringan Industri dan Komuniti (ICCU)	10-13
<i>Industry and Community Collaboration Unit</i>	
Unit Pemerkasaan dan Transformasi Fakulti (FETU)	14-20
<i>Faculty Empowerment and Transformation Unit</i>	
Unit Pembangunan Akademik dan Profesional (APDU)	21-23
<i>Academic and Professional Development Unit</i>	
Hub Digital(DIBRAH)	24-28
<i>Digital Brain Hub</i>	
Unit Penyelidikan dan Penerbitan (RPU)	29-34
<i>Research and Publication Unit</i>	
Unit Korporat dan Media (COMU)	35-40
<i>Corporate and Media Unit</i>	
Pasir Gudang (PG)	41-67
<i>Kampus Pasir Gudang</i>	
Collaborative Group: Collaborative Teaching (CGCT)	68-78
Persatuan Pelajar	79-85
Lain-lain	86-97

Kata Aluan Rektor



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, marilah kita panjatkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-NYA, Pengajian Sains Pengkomputeran dan Matematik Cawangan Johor (PSPMCJ) berjaya melancarkan edisi pertama majalah e-Buletin yang diberi nama e-CoMath ini. Saya ingin mengambil kesempatan, untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan e-CoMath, dari peringkat perancangan hingga ke pelancaran.

Majalah e-CoMath ini adalah langkah yang signifikan dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi komunikasi dan penyebaran maklumat dalam organisasi. Wadah digital ini diharapkan dapat menjadi platform bagi kita untuk berkongsi perkembangan terkini, pencapaian dan aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan. Di samping itu, ia juga merupakan medium bagi menonjolkan kepakaran dan sumbangan berharga daripada setiap warga PSPMCJ.

Dalam edisi pertama ini, pembaca akan dihidangkan dengan pelbagai maklumat berkenaan aktiviti dan program yang telah dilaksanakan, artikel-artikel bermanfaat serta berita terkini yang berkaitan dengan PSPMCJ. Saya yakin bahawa kandungan yang disajikan bukan sahaja akan memberikan informasi yang berguna, tetapi juga mampu menjadi inspirasi untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam setiap bidang yang diceburi.

Saya juga ingin menekankan betapa pentingnya kerjasama dan komitmen berterusan daripada semua warga untuk memastikan kesinambungan dan kejayaan majalah e-CoMath ini. Setiap sumbangan, sama ada dalam bentuk artikel, idea atau maklum balas amatlah dialu-alukan dan dihargai. Majalah ini adalah milik anda bersama dan hanya melalui usaha kolektif ia, akan mencapai objektif yang diharapkan.

Akhir kata, saya berharap majalah e-CoMath ini dapat menjadi sumber rujukan yang bermanfaat serta medium komunikasi yang efektif. Semoga warga PSPMCJ terus diberi kekuatan dan ilham untuk meneruskan perjuangan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan mencapai visi serta misi UiTM. Syabas dan Tahniah!

Sekian, terima kasih.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

PROF. MADYA DR. SAUNAH ZAINON

Rektor

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

Kata Aluan Timbalan Rektor Akademik

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Saya dengan penuh kesyukuran dan rasa bangga mengalu-alukan penerbitan e-CoMath, e-buletin pertama diterbitkan oleh Pengajian Sains Pengkomputeran dan Matematik Cawangan Johor (PSPMCJ). e-CoMath ini menjadi platform yang penting untuk berkongsi pelbagai pencapaian, aktiviti dan perkembangan terkini yang berlaku dalam kalangan warga PSPMCJ.

Dalam edisi sulung ini, pelbagai aktiviti telah dianjurkan sepanjang tahun 2023/2024 sama ada dalam bidang akademik mahupun kurikulum, sehinggalah melibatkan program-program bersama komuniti luar. Saya amat berbangga dengan komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan oleh semua warga PSPMCJ dalam memastikan kejayaan dan kecemerlangan dalam semua bidang.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyumbang dalam penerbitan e-buletin ini, khususnya kepada jawatankuasa editorial yang telah bekerja keras dalam memastikan kandungan e-buletin ini menarik dan bermaklumat.

Semoga e-buletin ini menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada semua warga UiTMCJ untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan. Saya berharap agar kita semua dapat terus memberikan yang terbaik demi kemajuan PSPMCJ khususnya dan UiTMCJ amnya.

Sekian, terima kasih.

PROF. MADYA DR. AKMAL AINI OTHMAN

Timbalan Rektor Akademik

Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor



Kata Aluan Ketua Pusat Pengajian



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera.

Terima kasih diucapkan kepada Sidang Redaksi Majalah e-CoMath kerana memberi ruang dan peluang untuk saya mencoretkan sepetah dua kata dalam majalah ini. Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-NYA, Pengajian Sains Pengkomputeran dan Matematik Cawangan Johor (PSPMCJ) telah berjaya menerbitkan edisi pertama Majalah e-CoMath bagi tahun 2024. Syabas dan tahniah juga saya rakamkan kepada Sidang Redaksi Majalah e-CoMath dan semua pihak atas komitmen yang jitu dalam menjayakan penerbitan majalah ini.

Majalah e-CoMath merupakan salah satu inisiatif Ketua Pusat Pengajian (KPP), PSPMCJ bagi mendokumentasikan semua program-program di bawah anjuran PSPMCJ, sama ada program-program pelajar atau pensyarah sendiri. Pengumpulan bahan secara konsisten ini akan melestarikan sistem pelaporan agar lebih cemerlang serta efektif bagi membantu dalam penyediaan laporan utama universiti seperti Laporan AKNC dan sebagainya. Malahan mutu perkhidmatan warga PSPMCJ juga dapat dipertingkatkan di mana kewujudan majalah ini akan menjadi salah satu indikator semak dan imbang dalam pentadbiran KPP, PSPMCJ.

Sistem pengurusan rekod yang baik, lengkap, sahih, mudah capai serta boleh digunakan akan memastikan integriti dan akauntabiliti penyampaian maklumat menjadi lebih efektif. Pelaporan setiap program yang telah disediakan dalam majalah ini akan menjadi salah satu sumber tambahan kepada pengurusan rekod yang lebih cekap. Setiap pelaporan aktiviti akan lengkap dengan gambar-gambar dan perakuan penulisan akan memberi nilai tambah kepada majalah ini.

Saya percaya melalui majalah sebegini, walaupun ringkas ia secara tidak langsung membuktikan warga PSPMCJ bersedia membantu UiTM CJ menggarap segala maklumat menjadi satu susunan ilmu yang baik. Tahniah diucapkan buat semua penulis dan sidang redaksi. Penerbitan ini bukan sahaja membuktikan kewujudan dan visibility fakulti, tetapi setiap aktiviti bergambar yang dimuatkan akan menjadi kenangan indah kepada semua ahli fakulti.

Sekali lagi, tahniah dan terima kasih diucapkan kepada jawatankuasa serta sidang redaksi majalah. Semoga majalah ini memberi manfaat yang tidak terhingga kepada pembaca dan usaha menerbitkan Majalah e-CoMath dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

"Memperkasakan Bakat, Memupuk Tadbir Urus Baik Dan Meningkatkan Penjenamaan Fakulti Untuk Impak Global"

MOHD LEZAM LEHAT

Ketua Pusat Pengajian, PSPM, KPPIM,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor

Tinta Ketua Editor

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera kepada semua para pembaca yang budiman.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas limpahan rahmat dan kurniaan daripada Allah SWT atas kejayaan penerbitan e-Buletin Pengajian Sains Pengkomputeran dan Matematik Cawangan Johor (PSPMCJ) yang dikenali sebagai e-CoMath edisi pertama bagi tahun 2024. Edisi ini adalah kelahiran sulung penerbitan e-Buletin di bawah PSPM, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM). Kami merencana terbitan ini akan berlaku secara berkala dalam bentuk tahunan.

Terbitan istimewa ini dihadirkan dengan muka hadapan Ketua Pusat Pengajian (KPP) lantikan baharu dalam bentuk paparan Kepintaran Buatan (AI) dengan memperkasakan AI dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PnP). Pemilihan KPP sebagai muka hadapan kerana KPP berfungsi mengemudi PSPMCJ dengan dedikasi dan jayanya untuk memacu PSPMCJ bagi mencapai tema perancangan strategik jabatan iaitu "Memperkasakan Bakat, Memupuk Tadbir Urus Baik dan Meningkatkan Penjenamaan Fakulti untuk Impak Global".

Terbitan ini adalah wadah perkongsian segala aktiviti yang berlaku di bawah PSPMCJ secara langsung mahupun tidak langsung di antara pentadbir, pendidik dan mahasiswa bermula daripada lantikan KPP sehingga kini. Kami menyajikan satu pembacaan yang memperlihatkan pelbagai sisi PSPMCJ dari segi akademik, kebajikan dan pembangunan pelajar dan pensyarah, penyelidikan, perundingan dan kolaborasi bersama komuniti.

Demi menghasilkan satu naskhah yang menarik dan berinformasi jawatankuasa yang mantap dan berdedikasi ditubuhkan dengan pimpinan Puan Haslenda Yusop selaku Ketua Unit Komunikasi dan Media PSPMCJ. Dengan kerjasama di antara Jawatankuasa Penerbitan, Unit Korporat UiTMCJ, para editor dan penulis artikel maka terhasillah satu terbitan yang cukup sempurna bagi kami dalam naskhah sulung ini.

Segala limpahan dan kesempurnaan ini kita kembalikan kepada pencipta yang Maha Berkuasa iaitu Allah SWT. Hanya dengan limpahan rahmat kurniaan daripada-NYA kita peroleh kemudahan dalam segala urusan. Dengan itu kami mengharap para pembaca dan diri saya sendiri sentiasa bersyukur di atas kurniaan ini. Alhamdulillah.

Akhir kata, terima kasih kepada pembaca budiman yang menyokong penerbitan ini dan selamat membaca dengan tenang.

Sekian, terima kasih.

NAFISAH AMIN

Ketua Editor Majalah e-CoMath
UiTM Cawangan Johor



Cultivate A Knowledge Sharing Culture: KPPIM Coffee Talk Series VI

Aishah Mahat, Nur Intan Syafinaz, Dr. Nur Syamilah Arifin, Norzarina Johari & Dr. Ng Set Foong

Program *Cultivate A Knowledge Sharing Culture: KPPIM Coffee Talk Series VI* telah diadakan pada 24 Januari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Aras 1, PTDI pada jam 10 pagi hingga 12 Tengah hari. Program tersebut telah dihadiri bersama Ketua Pusat Pengajian iaitu Encik Mohd Lezam Lehat. Program ini diadakan bertujuan untuk membincangkan hala tuju PSPM 2024 Kampus Pasir Gudang bersama KPP KPPIM UiTM Cawangan Johor.

Pembentangan pertama dimulakan oleh Pn Nur Intan Syafinaz Ahmad sebagai Koordinator Kursus KPPIM, UiTM Pasir Gudang. Dalam pembentangan tersebut, Pn Nur Intan telah berkongsi mengenai bilangan pensyarah yang terdapat di Kampus Pasir Gudang. Seramai 20 orang pensyarah KPPIM yang mana 10 orang merupakan pensyarah Matematik iaitu Pn Nur Intan Syafinaz Ahmad (Koordinator Kursus), Dr. Nur Idayu Alimon (Ketua Bidang Matematik), Dr. Norbaiti Tukiman (Penyelaras Mased dan Penyelaras MITASA), Dr. Ng Set Foong (Penyelaras Penyelidikan), Dr. Wan Munirah Wan Mohamad (Ketua Phinished & Ketua CGCT), Dr. Nur Syamilah Arifin (cuti bersalin), Pn Norzarina Johari, Aishah Mahat, Ahmad Khudzairi Khalid dan Cik Nurhazirah Mohamad Yunos dan lima orang pensyarah Sains Komputer iaitu Dr. Mohamad Faizal Ab Jabal (Ketua Bidang Sains Komputer), Azrina Suhaimi, Harshida Hasmy dan Azyan Yusra Kapi @ Kahbi. Manakala lima orang pensyarah Matematik sedang cuti belajar. Di samping itu, Pn Nur Intan juga menerangkan sebanyak 15 subjek yang ditawarkan di Kampus Pasir Gudang iaitu MAT235, MAT 183, MAT112, STA104, MAT086, MAT083, MAT013, MAT014, MAT015, MAT016, MAT438, CSC128, CSC253, MAT538 dan STA416.



Seterusnya pembentangan aktiviti dan pencapaian PSPM tahun 2023. Antaranya melibatkan tiga program CSR seperti Seminar Teknik Menjawab SPM Bagi Subjek Matematik dan Matematik Tambahan, Karnival STEM Kerjaya Peringkat Daerah Pasir Gudang, Karnival Minggu Sains Negara Peringkat Negeri Johor. Selain itu, dua program penjana kewangan iaitu Jualan Sampul Duit Raya UiTM dengan memperoleh keuntungan sebanyak RM 2306.70, manakala *Johor Innovation Invention Competition and Symposium JICaS 2023* dengan melibatkan 138 projek dengan keuntungan sebanyak RM 6490. Selebihnya, dua bengkel iaitu

Bengkel MAT235 dan Statistik Kolokium dan empat *Collaborative Teaching* iaitu MAT112: *Applications of Markup and Markdown In Real Life*, STA014: *Statistics Without Anguish*, MAT183: *Brief History of Greek's Mathematics*, MAT183: *Unveiling The Real World Applications of Differentiation and Integration* serta empat aktiviti bagi *Sharing Session Coffee Talk*. Selain itu, Pn Nur Intan turut membentangkan mengenai perancangan aktiviti yang akan dijalankan pada tahun 2024. Antaranya seperti *Jualan Sampul Raya 2024*, *Jualan Planner UiTM 2024*, *Global Knowledge Exchange Program (GKEP) @UniBa, JIIICaS 2024*, *Jualan Amal Pakaian Terpakai*, *Program Coffee Talk* dan *Sharing Session*. Diakhir pembentangan, Pn Nur Intan memaklumkan mengenai cadangan kolaborasi iaitu mengadakan *Family Day* Keluarga Besar KPPIM dan Bengkel Penerbitan Jurnal Berindek.

Pembentangan kedua disambung oleh Ketua Pusat Pengajian KPPIM UiTM Johor iaitu Encik Mohd Lezam Lehat. Encik Mohd Lezam menerangkan perancangan yang akan dilaksanakan sewaktu beliau memegang tugas sebagai Ketua Pusat Pengajian KPPIM UiTM Johor. Perancangan pertama beliau dimulakan dengan mewujudkan satu platform *Big Data Lab* melalui *Microsoft Excel* bagi mengumpul segala maklumat berkaitan pensyarah, pelajar, dan program serta aktiviti yang dijalankan di UiTM Segamat. Beliau juga menjelaskan gabungan PI dijalankan bersama UiTM Pasir Gudang dan Segamat.



Di samping itu, Encik Mohd Lezam turut memberikan kata-kata nasihat kepada pensyarah KPPIM UiTM Pasir Gudang agar sentiasa mempraktikkan semangat kerjasama dalam pekerjaan. Seterusnya, Encik Mohd Lezam menyampaikan maklumat berkaitan Pelan Strategik KPPIM UiTM iaitu *Empowering Talents, Fostering Good Governance, and Elevating Faculty Branding for Global Impact*. Pelan tindakan ini terbahagi kepada tujuh bahagian dan setiap bahagian mempunyai ketua bagi menuju misi dan visi iaitu *Globally Renowned University* tahun 2025. Tujuh bahagian tersebut adalah *Student and Alumni Support Unit (SASU)*, *Corporate and Media Unit (COMU)*, *Industry and Community Collaboration Unit (ICCU)*, *Faculty Empowerment and Transformation Unit (FETU)*, *Academic and Professional Development Unit (PADU)*, *Research and Publication Unit (RAPU)* dan *Digital Brian Hub (DIBRAH)*. Diakhir perkongsian, Encik Mohd Lezam mengharapkan agar pelan strategik ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan kerjasama di antara Kampus Pasir Gudang dan Segamat dapat diperkukuhkan lagi.